

Dapatkan BH PLUS. [Langgan Sekarang \(/gaccount/login#raas-login\)](#).

[Apa itu BH PLUS? \(/bhplus/tentangbhplus\)](#)

[Log Masuk \(/gaccount/login#raas-login\)](#)


Isnin, 23 Januari 2017 - 4:48PM
Waktu Solat Kuala Lumpur:



(/)

Dapatkan edisi BH Digital.
Hanya RM19 sebulan.

LANGGANI SEKARANG ([HTTP://DIGITAL.NSTP.COM.MY/NST/INCLUDES/SHOP/LIST_PRODUCTS.JSP?TESTATA=BERBERITA&ID=BERBERITA](http://digital.nstp.com.my/nst/includes/shop/list_products.jsp?testata=berberita&id=berberita))



Good Luck Nuts

Save Money with Limited Stocks @ MAHNAZ FOOD Shah Alam



Hidup...
<http://www.bharian.com.my/node/28547>



Health & Beauty
Tip That Finally Turned Yellow
<http://www.bharian.com.my/node/28547>



24 Business News
25 year old Malaysian is one of
<http://www.24businessreport.com/>



Video bunuh diri gadis 12 tahun
<http://www.bharian.com.my/node/28547>

RENCANA

SABTU, 1 OKTOBER 2016 @ 6:34 AM

[UTAMA \(/\)](#)

[SEMASA \(/SEMASA\)](#)

[SUKAN \(/SUKAN\)](#)

[BISNES \(/BISNES\)](#)

[DUNIA \(/DUNIA\)](#)

[JENAYAH \(/JENAYAH\)](#)

Jalilah tak jemu laksana misi tarik pelaburan asing (/node/197793)

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahr
fatin@bh.com.my

Tweet

Like Share 226

G+1 0

(mailto:)



PRESIDEN Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI), Datuk Jalilah Baba. - Foto Aziah Azmee

PEMBABITAN lebih 30 tahun dalam bidang ekonomi memberi peluang kepada Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Antarabangsa Malaysia (MICCI), Datuk Jalilah Baba menyerlahkan ketokohnya dalam memperkasa hubungan perniagaan di antara usahawan tempatan dan luar negara.

Jalilah yang terpilih sebagai wanita pertama menjawat kedudukan sebagai Pengarah Bahagian Luar Negara, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berpangkalan di Itali, Austria dan Switzerland (1990-2000), sentiasa mempunyai misi bagi membantu meningkatkan ekonomi negara.

Beliau yang sebelum ini memikul tanggungjawab sebagai bekas Ketua Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA banyak memberi sumbangan terhadap kemajuan sektor ekonomi.

"Pengalaman ini membolehkan saya tampil sebagai ahli lembaga pengarah dalam pelbagai syarikat tersenarai dan diangkat sebagai pemimpin wanita berjaya menarik pelaburan asing dari pelbagai negara.

"Kemajuan Malaysia berkait rapat dengan pelbagai strategi MIDA. Antara industri diceburi adalah pemprosesan minyak sawit, aeroangkasa, automotif, minyak dan gas, teknologi hijau dan pendidikan," katanya kepada BH.

Peluang kembangkan perniagaan

Jalilah berkata, dalam tempoh setahun di MICCI, beliau sentiasa mencari idea untuk mengembangkan sektor ekonomi negara dan sehingga kini hampir 200 forum berjaya dianjurkan.

"Forum ini meliputi pelbagai aspek, antaranya pemasaran produk, model perniagaan baharu dan jalinan rangkaian perniagaan strategik dengan pelbagai pihak, secara berterusan.

"Terbaru, forum khas bertujuan memperkasakan wanita dalam sektor perniagaan dengan kerjasama NAMA Women Advancement Establishment (NAMA)," katanya.

Forum itu turut memberikan peluang kepada beberapa tokoh perniagaan berkongsi pengalaman dalam lima bidang utama iaitu pendidikan, elektronik, pelaburan, fesyen dan makanan.

Beliau berkata, forum itu menarik minat Sharjah iaitu wilayah ketiga terbesar di Emiriah Arab Bersatu (UAE) yang diwakili isteri Pemerintah Sharjah, Sheikha Jawaher Mohammad Al Qasimi yang juga Pengerusi NAMA untuk menjalinkan usaha sama dalam meneroka peluang perniagaan antara kedua-dua negara.

"Hubungan perniagaan diwujudkan ternyata menjadi penambah nilai kepada Malaysia. Selain padanan perniagaan dan penganjuran program inovasi, kerjasama ini dijangka dapat mengukuhkan ikatan sedia ada, sekali gus menjadi rakan kongsi dagangan terbesar negara itu," katanya.

Kendalikan isu pelaburan

Sebagai wanita yang berpengaruh dalam sektor ekonomi, kepakaran Jalilah dalam mengendalikan isu berkaitan pelaburan, terutama pelaburan langsung asing (FDI), cukai dan insentif, meletakkan beliau sebagai rujukan utama bagi pembangunan ekonomi negara.

Jalilah berkata, wanita perlu mempunyai pengaruh dan lebih agresif mengukuhkan kecemerlangan dalam bidang diceburi bagi menyumbang ke arah memajukan ekonomi negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Katanya, pembabitan wanita dalam sektor ekonomi sepatutnya diperhebatkan dengan melahirkan lebih ramai tokoh yang menjadi kebanggaan negara.

Bagi merealisasikan impian itu, katanya, wanita perlu menanam tekad yang tinggi bagi mencapainya.

"Setiap kejayaan memerlukan perancangan teliti, selain mengambil tindakan tepat bagi merealisasikan impian," katanya.

DISYORKAN



Kes bogel wanita: Keluarga minta henti sebar video

(<http://www.bharian.com.my/node/196597>)



PTD hina kematian Adenan dipanggil pulang

(<http://www.bharian.com.my/node/196597>)



Isteri meninggal pada sambutan ulang tahun pertama perkahwinan

(<http://www.bharian.com.my/node/1964206>)



Suami Marissa Yasmin tuntutan 2 kereta

(<http://www.bharian.com.my/node/227692>)

DARI SELURUH LAMAN WEB